

**SEJARAH PULAU TIMBANG DI TELUK
SANDAKAN, BORNEO UTARA
(1704 – 1877)**




UMS
**ABDUL SABAH BIN MOHD @
MOHAMMAD SABA BIN MOHD**
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI & WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

**SEJARAH PULAU TIMBANG DI TELUK
SANDAKAN, BORNEO UTARA
(1704 – 1877)**

**ABDUL SABAH BIN MOHD @
MOHAMMAD SABA BIN MOHD**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI & WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL : SEJARAH PULAU TIMBANG DI TELUK SANDAKAN, BORNEO UTARA
(1704 – 1877)**

IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN SEJARAH)

Saya **ABDUL SABAH BIN MOHD @ MOHAMMAD SABA BIN MOHD**, SESI **2015-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan Atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di Dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan Oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

**ABDUL SABAH BIN MOHD @
MOHAMMAD SABA BIN MOHD
MA1311001T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 03 September 2018

(Prof. Dr Ismail Ali)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 April 2018

**Abdul Sabah bin Mohd @
Mohammad Saba bin Mohd
MA1311001T**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ABDUL SABAH BIN MOHD @
MOHAMMAD SABA BIN MOHD**

NO. MATRIK : **MA1311001T**

TAJUK : **SEJARAH PULAU TIMBANG DI TELUK SANDAKAN,
BORNEO UTARA (1704 – 1877)**


IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **23 JULAI 2018**

DISAHKAN OLEH;

PENYELIA

PROFESOR DR ISMAIL ALI



Tandatangan _____

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullah waabarakatuh. Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat limpah dan kurnia Nya, akhirnya kajian ini telah berjaya disiapkan mengikut perancangan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya Profesor Dr Ismail Ali atas segala jasa dan pengorbanan beliau dalam memberi bimbingan dan motivasi kepada saya bermula dari proses awal penyelidikan sehingga ke tahap penghasilan tesis ini. Pengorbanan masa, buah fikiran dan tenaga yang beliau curahkan selama ini amat saya hargai dan hanya tuhan yang dapat membalaasnya.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah Universiti Malaysia Sabah sama ada yang terlibat secara lansung ataupun tidak langsung dalam penghasilan kajian ini. Di sini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Arminiwati binti Azmat dan Emilya Suzana binti Ibrahim kerana sentiasa memberi sokongan dan semangat dalam memburu sarjana ini. Atas motivasi dan inspirasi dua insan yang amat istimewa dalam hidup saya, kajian ini dapat disiapkan dan berjalan dengan lancar, serta atas semangat yang terpancar dengan kehadiran anak pertama saya Annisa Fitiya Zahira.



Tidak lupa juga kepada kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan, Pengetua SMK Merpati, Tuan Haji Sani Sahwi, semua guru-guru dan staff SMK Merpati serta rakan-rakan yang lain, terima kasih atas sokongan dan bantuan yang diberikan selama ini. Akhir sekali, terima kasih juga kepada individu dan juga pihak-pihak yang terlibat secara lansung ataupun tidak dalam proses ini terutama kepada pegawai-pegawai Jabatan Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu yang sentiasa membantu dan menyokong sepanjang proses kajian dan penulisan ini dan akhir sekali ucapan terima kasih saya kepada penduduk Pulau Timbang yang sentiasa memberi kerjasama dan layanan mesra sepanjang kajian ini dibuat. Kajian dan penulisan ini akan berterusan seiring dengan gagasan murni kita, Satu Malaysia. Sekian dan terima kasih.

Abdul Sabah bin Mohd @
Mohammad Saba bin Mohd
20 April 2018

ABSTRAK

Kajian ini berjudul 'Sejarah Pulau Timbang Di Teluk Sandakan,Borneo Utara (1704-1877). Ia merupakan satu kajian sejarah yang dibuat ke atas Pulau Timbang, dalam daerah Sandakan di sebelah pantai timur negeri Sabah. Kajian ini bertujuan merungkai sejarah, peranan dan perkembangan Pulau Timbang pada era Kesultanan Sulu ketika menguasai wilayah ini suatu ketika dahulu. Bagi tujuan tersebut, kaedah kajian yang dibuat adalah seperti ke lokasi kajian serta bertemu responden dari kalangan penduduk kampung yang sesuai dan terpilih untuk ditemu bual, terutama dari kalangan generasi tua pulau ini. Kajian ini telah membongkar rahsia sebenar pulau ini dan betapa pentingnya pulau ini kepada Kesultanan Sulu di Jolo dari segi politik dan ekonomi terutama pada era kedatangan dan ancaman Sepanyol ke atas Kepulauan Sulu. Pada era inilah Pulau Timbang menjadi penting demi kesinambungan kuasa Kesultanan tersebut, paling tidak sehingga kedatangan Amerika Syarikat sekitar tahun 1936. Oleh yang demikian, didapati sejarah pulau ini saling berkait rapat dengan sejarah Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu.

Kata Kunci :Pulau Timbang, Sandakan, Borneo Utara Kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei.



ABSTRACT

THE HISTORY OF TIMBANG ISLAND IN SANDAKAN GULF, NORTH BORNEO (1704-1877)

This thesis entitled 'The History of Timbang Island in Sandakan Gulf, North Borneo (1704-1877)'. It is a study of the history made up of arbitration, in Sandakan on the east coast of Sabah. This study aims to unravel the history, role and development of arbitration in the Sultanate of Sulu when dominate this area a long time ago. For this purpose, methods used to make such studies to find the location of study materials and meet people from among the villagers that suitable and selected for an interview, especially among the older generation of the island. This study has uncovered the true secret of how important this island to Jolo and the Sulu Sultanate in terms of politics and economy, especially in the era of arrival and the threat of Spain over the Sulu Archipelago. In this era of arbitration to be important for the sustainability of the Sultanate of power, at least until the arrival of the United States around 1936. The history of the island is found closely intertwined with the history of the Sultanate of Brunei and Sulu Sultanate.

Keywords: Island Timbang, Sandakan, North Borneo, Sulu Sultanate, Brunei Sultanante



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI FOTO	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI SIMBOL / SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Metadalogi Kajian	9
1.6 Sorotan Literatur	9
1.7 Skop dan Batasan Kajian	18
1.8 Struktur Kajian	20
1.9 Kesimpulan	21

BAB 2: LATAR BELAKANG PENTADBIRAN KESULTANAN SULU DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA

2.1 Pengenalan	22
2.2 Kemunculan Kesultanan Sulu di Selatan Filipina	25
2.3 Sejarah Awal Pertapakan Kesultanan Sulu di Pantai Timur Borneo Utara	62
2.4 Pentadbiran Kesultanan Sulu di Teluk Sandakan dalam Wilayah Magindora	70
2.5 Kesimpulan	99

BAB 3: SEJARAH AWAL PEMBUKAAN PULAU TIMBANG

3.1 Pengenalan	102
3.2 Pembukaan Pulau Timbang	104
3.2.1 Eropah dan Pembukaan petempatan di Pulau Timbang	130
3.3 Raja Sandakan di Pulau Timbang	176
3.4 Kesimpulan	193

BAB 4: PERKEMBANGAN PULAU TIMBANG DI BAWAH PENTADBIRAN KESULTANAN SULU

4.1 Pengenalan	196
4.2 Pentadbiran	197
4.3 Pembangunan Ekonomi	214
4.4 Pusat Perburuan dan Perdagangan Hamba	227
4.5 Pusat Penyeludupan dan Perdagangan Senjata	243
4.6. Kesimpulan	255


BAB 5: PENUTUP

Rujukan	271
Lampiran	279

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 4.1	Nama dan harga hamba-hamba Filipina pada Tahun 1822 hingga 1847	238
------------	--	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1	Salasilah Kesultanan Sulu	29
Rajah 2.2	Salasilah Kesultanan Sulu (Sambungan)	30
Rajah 2.3	Struktur Pemerintahan Pusat Kesultanan Sulu	34
Rajah 2.4	Pentadbiran Wilayah Kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara sehingga 1880	87
Rajah 3.1	Salasilah Raja Sandakan	183



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO


	Halaman	
Foto 2.1	Istana Sultan Sulu di Jolo, Pulau Maimbung	35
Foto 2.2:	Masjid Pertama Di Sulu	61
Foto 2.3:	Tongkang Cina di Sungai Kinabatangan	84
Foto 3.1	Pulau Shanghai	108
Foto 3.2:	Pulau Magkalai	109
Foto 3.3:	Lokasi dipercayai bekas tapak rumah pembesar Sulu di Sipua (Melanta)	112
Foto 3.4:	Lokasi dipercayai bekas pelabuhan yang digunakan untuk Sandakan di Sipua	113
Foto 3.5:	William B Poyer	116
Foto 3.6:	Ilustrasi Perkampungan Air di Opak	117
Foto 3.7	Pemandangan Pulau Timbang dari udara	123
Foto 3.8	Rumah penduduk tempatan di sekitar Teluk Sandakan Pada tahun 1800-an.	124
Foto 3.9	Kampung Jerman pada hari ini	125
Foto 3.10	Kawasan lapang dipercayai bekas Tapak gudang menyimpan beras di Kampung Jerman	126
Foto 3.11	Salah satu daripada dua buah perigi yang terdapat di Kampung Jerman	127
Foto 3.12	Antara kubur-kubur lama di Kampung Jerman, Pulau Timbang	128
Foto 3.13	Pemandangan Kampung Pulau Timbang yang juga Dikenali sebagai Kampung Tronglit	129
Foto 3.14	Kapal Galleon Sepanyol di pelabuhan Manila	147
Foto 3.15	Delegasi Perancis bertemu Sultan Sulu	157
Foto 3.16	Captain Leopold Schuck	167
Foto 3.17	Gambaran Kampung Jerman di Pulau Timbang sebelum terbakar pada tahun 1879. Illustrasi oleh Hermann	168

Foto 3.18	William Cowie	169
Foto 3.19	William Cowie Bersama Sultan Sulu	169
Foto 3.20	Syed Mohammad Salleh Nisba Al-Alwi, Raja Sandakan	179
Foto 3.21	Baju perang milik Raja Sandakan yang didakwa kebal daripada sebarang tembakan dan senjata tajam	181
Foto 3.22	Sebahagian daripada transkrip Salasilah Raja Sandakan	185
Foto 3.23	Alat Kebesaran di Raja yang didakwa sebagai kepunyaan Raja Sandakan	187
Foto 3.24	Sultan Sulu, Sultan Ombra Amilbangsa 1936. Gambar sebenar yang didakwa sebagai gambar Raja Sandakan yang didakwa oleh waris Raja Sandakan. Gambar ini terdapat di Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.	189
Foto 3.25	Keratan akhbar Sabah Times (Tuntutan Sultan Ombra Amilbangsa untuk menjadi Raja Sabah)	190
Foto 3.26	Makam dipercayai milik Raja Sandakan (Mohammad Salleh) di Kampung Tronglit, Pulau Timbang, Sandakan.	191
Foto 3.27	Makam kaum kerabat Raja Sandakan di Pulau Timbang	192
Foto 4.1	Bukit Jerman, Pulau Timbang	202
Foto 4.2	Kampung Tronglit (kampung Pulau Timbang) petempatan tertua di Pulau Timbang	203
Foto 4.3	Sebahagian kubur-kubur lama para pembesar Sulu yang terdapat di Tronglit.	204
Foto 4.4	Dermaga Sandakan pada tahun 1880	211

	SENARAI PETA	Halaman
Peta 2.1	Kedudukan wilayah Kesultanan Sulu dalam abad ke-18 dan 19	26
Peta 2.2	Lokasi masyarakat Bajau di Asia Tenggara	52
Peta 2.3	Wilayah-wilayah jajahan Kesultanan Sulu Borneo Utara pada abad ke-18 dan 19	71
Peta 2.4	Laluan perjalanan kedatangan pembesar-pembesar Sulu ke pantai timur Borneo Utara	74
Peta 2.5	Wilayah Magindora di pantai timur Borneo Utara	78
Peta 2.6	Kedudukan wilayah-wilayah Kesultanan Sulu di Borneo Utara abad ke-19	93
Peta 3.1	Pulau Timbang	105
Peta 3.2	Petempatan penduduk masyarakat Suluk dan Bajau di Teluk Sandakan abad ke-18 dan 19	107
Peta 4.1	Kedudukan Sandakan yang memudahkan aktiviti penyeludupan senjata kepada Kesultanan Sulu.	249

SENARAI SINGKATAN


BNBCC	British North Borneo Chartered Company
EIC	East Indies Company
V.O.C	<i>Vereenichde Geevtroyyeerde Oost-Indische Compagnie</i> <i>(Dutch United East India Company)</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Puan Julaiya binti Daud	279
Lampiran B : Kadir Bin Zakaria	280
Lampiran C : Encik Ramli Bin Gari	281
Lampiran D : Ustaz Hatta Sawabi	282
Lampiran E : Ustazah Emilya Suzana Binti Ibrahim	283




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sabah atau lebih dikenali sebagai Borneo Utara ketika di bawah pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) sehinggalah menyertai gagasan Persekutuan Malaysia adalah merupakan sebuah wilayah yang terletak di bahagian utara Pulau Borneo. Dalam perjanjian konsesi diantara *East Indies Company* (EIC) dan Kesultanan Brunei, "Sabah" merupakan nama yang tercatat yang diberikan oleh Kesultanan Brunei kepada wilayah yang menjadi sebahagian daripada jajahan kesultanan tersebut pada akhir abad ke-16. Bagi Kerajaan Brunei, Sabah atau Borneo Utara meliputi seluruh bahagian utara pantai barat, dari Sungai Sulaman hingga ke Teluk Marudu dan Sungai Paitan serta seluruh bahagian utara timur sejauh Sungai Sibuku yang meliputi kawasan Bonggaya, Sugut, Labuk, Paitan, Sandakan, Kinabatangan, dan Mumiang. Termasuk juga di dalam wilayah ini ialah kawasan Kimanis, Benoni, Teluk Gaya, Teluk Sepanggar dan Pulau Banggi.



Perang saudara yang berlaku di Brunei pada tahun 1662 hingga 1674 telah menyebabkan wilayah ini diserahkan kepada Kesultanan Sulu. Ia bermula apabila Sultan Brunei, Sultan Muhyiddin menawarkan kawasan pantai timur Sabah kepada Sultan Sulu jika dapat membantu dan menewaskan musuh utama iaitu Sultan Abdul Mubin. Dalam hal ini, tentera Sultan Sulu bersetuju membantu tentera Muhyiddin dan telah berjaya menewaskan tentera Sultan Abdul Mubin yang bertahan di Pulau Chermin. Pada tahun 1704, Kesultanan Sulu secara rasmi telah mentadbir kawasan timur dan membentuk tiga wilayah pentadbiran yang terdiri daripada wilayah Magindora, Malludu (Marudu) dan Tirun. Ancaman Sepanyol yang berterusan ke atas Kesultanan Sulu di Kepulauan Sulu menyebabkan Kesultanan Sulu cuba menyelamatkan wilayah-wilayahnya dari jatuh ketangan Sepanyol.

Bagi tujuan tersebut, pemerintah Sulu cuba untuk membuat hubungan dan persahabatan dengan kuasa barat yang lain, dengan harapan dapat membantu mempertahankan kedaulatannya dari ancaman Sepanyol. Pada tahun 1878, Sultan Sulu telah menyerahkan kawasan pantai timur untuk disewakan kepada EIC dan sekaligus menghalang Sepanyol dari terus menuntut kawasan ini sebagai jajahan Sepanyol.

BNBCC menguasai politik dan ekonomi di Borneo Utara sehingga Perang Dunia kedua meletus pada tahun 1941–1945. Jepun telah terlibat dalam perperangan ini dan telah menyerang serta menguasai Borneo Utara serta hampir seluruh kawasan rantau Asia Tenggara. Pada tahun 1945, Jepun telah mengalami kekalahan setelah dua buah bom atom digugurkan oleh tentera Amerika Syarikat di Hiroshima dan Nagasaki Jepun yang telah mengorbankan penduduk hampir 100 ribu jiwa dengan serta merta. Selepas perang, BNBCC telah kembali ke Borneo Utara, tetapi tidak mampu untuk membangunkan semula kawasan ini yang mengalami kemusnahan teruk akibat serangan tentera Jepun dan Tentera Berikat. Ketidak mampuan BNBCC menyebabkan ia menyerahkan Borneo Utara kepada kerajaan British di London untuk ditadbir.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pada abad ke-19, sebahagian besar wilayah pantai timur Borneo Utara dari Teluk Marudu hingga ke Sungai Sibuku diserahkan oleh Sultan Brunei, Sultan Muhyiddin kepada Sultan Sulu sebagai pembalas jasa setelah Sultan Sulu membantu baginda mengalahkan Sultan Abdul Mubin dalam perang saudara merebut takhta kesultanan Brunei. Ini menyebabkan wilayah Sabah dibahagikan kepada dua bahagian pentadbiran kesultanan, iaitu di kawasan pantai barat Sabah ditadbir oleh Kesultanan Brunei dan kawasan pantai timur Sabah pula ditadbir oleh Kesultanan Sulu.

Sistem politik kesultanan wujud di bahagian kawasan pantai barat dan timur sabah. Datu-datu dan pembesar-pembesar Sulu mentadbir kawasan pantai timur Sabah sebagai wakil sultan. Di kawasan pantai barat pula kuasa mentadbir wilayah

adalah terletak di tangan wakil-wakil Kesultanan Brunei. Sistem politik penduduk pribumi Sabah yang ketiga ialah Ketua Bebas. Ketua Bebas adalah merupakan pentadbir yang tidak terikat dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain yang berkuasa. Sistem politik ini wujud akibat dari keberanian, keperwiraan dan ketegasan seseorang tokoh yang dapat mencabar kewibawaan sultan di kawasan-kawasan pantai timur dan barat. Mereka ini berasal dari ketua-ketua yang mempunyai pertalian dengan sama ada keluarga diraja Brunei ataupun Sulu, ataupun Arab Sharif. Penduduk-penduduk di daerah bebas ini kebanyakannya adalah terdiri daripada pengikut-pengikut ketua bebas. Kepada ketua-ketua inilah mereka mengharapkan dan mendapat perlindungan. Pemimpin-pemimpin kawasan pedalaman ini dianggap seorang pemimpin yang berkalibar, seperti Sharif Osman yang memerintah daerah Kota Marudu dalam tahun-tahun 1830-an dan 1840-an.

Pada abad ke-19, meskipun masyarakat Sabah sudah mula bergerak secara perlahan-lahan ke arah paradigma ekonomi dan politik dari abad-abad yang sebelumnya, namun sistem sosial negeri tersebut masih lagi dilihat begitu tradisional apatah lagi lokasi dan geografi yang besar bagi wilayah ini. Walaupun telah kelihatan tanda-tanda kuasa Barat yang cuba menguasai wilayah Sabah di atas dasar perluasan kuasa, pasaran barang dan sumber ekonomi yang cukup berharga di negeri ini. Namun, kehidupan sosial masyarakat ini masih kekal dan berevolusi mengikut peredaran zaman dengan kepercayaan dan budaya mereka yang telah diwarisi sejak dari nenek moyang mereka lagi.


Pulau Timbang mempunyai keluasan lebih kurang 49.5 km persegi, iaitu dengan panjang pulau ini ialah 11 km dan lebar 4.5 km. Terdapat sebuah selat sempit yang memisahkan pulau ini dari tanah besar di utara. Di barat laut disempadani oleh sebuah jalur air selebar 100m iaitu Terusan Buli dari Pulau Kibili. Di selatan Pulau Timbang ada rabung yang tinggi yang naik sehingga 147 meter di Bukit Timbang. Ke utara pulau ini, ia cerun perlahan-lahan dan memasuki ke dalam kawasan paya bakau yang luas.

Pulau Timbang pada suatu ketika dahulu, merupakan lokasi utama petempatan penduduk dan dapat menghindari ancaman puak-puak pemburu kepala yang dikenali sebagai ‘Orang Dayak’ yang berasal dari selatan Borneo. Kedudukannya yang terletak jauh sedikit ke dalam Teluk Sandakan menyebabkan pulau ini agak sesuai untuk dijadikan tempat tinggal pada ketika itu. Sandakan yang terletak di tanah Besar berhampiran dengan kawasan terbuka Teluk Sandakan agak kurang berpenghuni ketika itu. Ini disebabkan lokasi Sandakan yang agak terdedah kepada ancaman lanun dan pemburu kepala menyebabkan keadaan ini berlaku. Menurut Encik Hatta Sawabi¹, kawasan lain petempatan pembesar-pembesar Sulu di tanah besar adalah terletak di atas bukit Kampung Melanta. Jeti untuk bot-bot yang datang dari Sulu dikatakan terletak di pesisir pantai perkampungan tersebut. Ini adalah disebabkan lokasi ini agak terlindung dari ancaman angin monson yang biasanya bermula pada bulan Oktober hingga Mac menyebabkan keadaan Laut Sulu bergelora dan ombak yang tinggi dari kawasan laut yang terbuka. Walau bagaimanapun, lokasi Pulau Timbang adalah yang paling agak terlindung dari tiupan angin menyebabkan ia agak selamat dari ancaman angin kepada penduduk, khasnya golongan nelayan yang bergantung hidup kepada laut.

Masyarakat yang ada pada hari ini masih agak kurang jelas dan kabur tentang sejarah pulau ini disusut ketika dahulu. Hasil temubual yang dibuat pada tahun 2014 mendapati bahawa, tidak ramai penduduk daerah Sandakan yang ada pada hari ini mengetahui bahawa pulau ini juga pernah menjadi pusat pentadbiran dan ekonomi bagi Sandakan. Manakala, tidak ramai yang tahu bahawa orang-orang Eropah menganggap bahawa Kampung Jerman yang terletak di pulau ini adalah sebagai pekan Sandakan pada suatu ketika dahulu. Ini tidaklah menghairankan kerana terlalu sedikit kajian dan dokumen yang membincang tentang perkara ini. Ini menyebabkan sejarah pulau ini hampir berkubur begitu sahaja. Terdapat tulisan-tulisan dari penjajah yang terlalu sedikit menyentuh tentang pulau ini seperti William Pryer, residen pertama BNBCC.

¹ Hatta Sawabi. Pengerusi Persatuan Kebudayaan Suluk Daerah Sandakan, 29 Oktober 2016

Manakala kisah-kisah tentang pulau ini hanya diketahui dan terhad kepada orang-orang tua yang sudah semakin berkurangan bilanganya, malah kisah-kisah sejarah pulau ini tidak lari dari unsur-unsur mitos tetapi cukup menarik untuk melakukan kajian terhadap pulau tersebut. Situasi ini menyebabkan sejarah pulau ini kurang mendapat perhatian untuk dikaji dan ditulis sebelum ini kerana kesamaran fakta yang diberi. Keadaan ini juga berlaku kerana sejarah pulau ini sudah lama terpendam. Manakala cerita-cerita lisan sejarah penduduk tempatan kadangkala menjadi suatu kisah fiksyen dan lagenda sahaja. Ini disebabkan sifat penceritaan tersebut yang kadangkala unsur-unsur mitos dan mistik tidak dapat dipisahkan. Walau bagaimanapun. Ini sudah menjadi kebiasaan sesuatu kumpulan masyarakat dan kaum akan mengetengahkan kehebatan dan kegagahan kaum mereka, dengan menokok tambah kebolehan dan keistimewaan tokoh-tokoh yang mereka banggakan.




Walau bagaimanapun, ini bukanlah suatu alasan untuk mengetepikan sejarah dan fakta yang terdapat dalam sesuatu peristiwa tersebut. Ini adalah merupakan satu cabaran dalam merungkai sejarah pulau ini agar tidak hilang dalam peredaran waktu. Sumber-sumber penulisan dari penjajah British, Sepanyol, Jerman dan Kesultanan Sulu sendiri serta Kesultanan Brunei perlu dicari untuk melengkapkan kajian terhadap pulau ini. Satu kesukaran dalam menggarap sejarah Pulau Timbang ialah apabila terlalu sedikit atau kurangnya sumber rujukan dalam perspektif peradaban maritim yang menjadi tunjang kepada sejarah pulau ini.

Pulau Timbang, pada suatu ketika dahulu dianggap oleh orang-orang Barat sebagai Sandakan serta pusat perdagangan bagi kawasan pantai timur Borneo Utara, tetapi pulau ini telah tidak membangun dan pekan yang terkenal pada ketika yang dikenali sebagai Kampung Jerman telah ditinggalkan setelah kebakaran besar berlaku dan memusnahkan pekan ini pada sekitar tahun 1879. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak memberi kesan kepada berkuburnya sejarah dan penguasaan maritim pulau ini di Laut Sulu. Aktiviti maritim dan perdagangan berterusan walaupun setelah pusat petempatan dan perdagangan dipindahkan ke kawasan tanah besar selepas kejadian tersebut. Era baru di bawah pentadbiran

BNBCC berterusan dan menjadikan Sandakan dan kawasan sekitarnya mengalami perubahan dan kemajuan yang pesat.

Sejarah Pulau Timbang cukup sinonim dengan wujudnya Kampung Jerman yang juga dikenali sebagai Sandakan bagi penulis-penulis barat.² Kehebatan pulau ini tercatat di zaman kegemilangan Kesultanan Sulu selewat abad ke-18 dan 19. Pusat pentadbiran dan ekonomi yang terletak di pulau ini menjadi pusat pengumpulan hasil-hasil laut dan darat untuk diperdagangkan. Pedagang-pedagang Sulu dengan kapal dagang mereka yang dikenali sebagai ‘Vinta’ sering datang bermiaga ke kawasan pantai timur Borneo Utara. Apabila menyebut penduduk di kawasan Kepulauan Sulu sebagai ‘Orang Sulu’, ini bermaksud ia merangkumi semua kaum yang terdapat di kawasan tersebut. Kebanyakkan orang sering terkeliru tentang sebutan ‘Orang Sulu’, yang sering dianggap sebagai orang Suluk atau Tausug, sedangkan orang-orang Sulu itu terdiri dari berbilang kaum dan bangsa. Seperti halnya masyarakat di Sabah yang memang dikenali dan sentiasa mengaku sebagai orang Sabah, tidak kira seseorang itu berbangsa dan dari kaum apa pun.



Pulau Timbang pada suatu ketika dahulu tidak begitu penting kepada Kesultanan Brunei. Namun di zaman Kesultanan Sulu, ia menjadi begitu mustahak dan terkenal sehingga menjadi rebutan dan pertikaian diantara penjajah Sepanyol dengan kuasa penjajah-penjajah Barat yang lain seperti Amerika Syarikat, British, Jerman dan Belanda. Malah, ketika pertikaian berlaku diantara British dan Sepanyol, pulau ini menyaksikan perebutan dua kuasa barat yang tamak hampir berperang sesama sendiri.


1.2 Permasalahan Kajian

Sandakan yang terletak dalam wilayah Magindora telah muncul sebagai antara pusat pentadbiran Sulu terpenting di pantai timur. Kewujudan Teluk Sandakan yang begitu strategik yang boleh dihubungkan dengan kawasan-kawasan pedalaman yang kaya

² W.H.Treacher, 1891,British Borneo:Sketches Of Brunei, Sarawak, Labuan, And North Borneo,hlm 104.

dengan pelbagai hasil-hasil daratan seperti sarang burung, rotan, damar dan sebagainya. Pulau-pulau yang terdapat disekitar teluk seperti Lubukan, Shanghai, Bai, Berhala dan lain-lain telah menyediakan sumber-sumber laut seperti tripang dan ikan. Walau bagaimanapun, diantara pulau-pulau tersebut, Pulau Timbang adalah merupakan pulau yang menjadi perhatian kepada pembesar-pembesar Sulu.

Setelah Kesultanan Sulu memperolehi kawasan pantai timur Borneo Utara daripada Kesultanan Brunei, Pulau Timbang menjadi sebuah lokasi yang penting kepada kesultanan tersebut. Ini menjadikan pulau ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dalam melakar sejarah untuk Borneo utara mahupun kepada Kesultanan Sulu itu sendiri. Kawasan pantai timur telah dibahagi kepada 3 wilayah pentadbiran, iaitu, Tirun, Marudu dan Magindora. Magindora adalah merujuk kepada kawasan daerah Sandakan sehingga ke sempadan Sungai Kinabatangan. Kewujudan kawasan-kawasan ini telah menandakan banyak terdapat petempatan-petempatan penduduk dan pekan-pekan disepanjang pantai timur.



Persoalan utama dalam kajian ini ialah, bila Pulau Timbang mula dibuka dan siapakah pembesar Sulu yang bertanggungjawab ke atas kawasan ini? Mengapa pulau ini dibuka sebagai petempatan para pembesar Sulu walaupun dari segi georafinya Pulau Timbang terletak jauh ke dalam Teluk Sandakan dan sudah ada petempatan-petempatan awal Sulu di Sandakan.

Nama-nama seperti Terusan Duyong atau Towson Duyong, Tawau, Semporna, Lahad Datu dan banyak lagi adalah merupakan lokasi-lokasi yang tidak kurang pentingnya dalam hal-hal ekonomi yang menjana perdagangan melalui sumber-sumber alam, tetapi satu perkara yang menjadi persoalan, mengapa Kesultanan Sulu menjadikan Pulau Timbang sebagai pusat pentadbirannya yang terawal di pantai timur Borneo Utara dan bagaimana Pulau Timbang menjadi penghubung antara Kesultanan Sulu yang berpusat di Jolo (Filipina) dengan lain-lain tanah jajahannya di Borneo Utara?